

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
TARIKH : 8 APRIL 2019
SENTIMEN : POSITIF

MUKA SURAT : 4
HARI : ISNIN



MASTURA MOHD. KHALID melepaskan peserta Jelajah Solo Gen Y: Nilai-nilai Murni Rakyat Malaysia, Affendi Rajini Khan yang dianjurkan YKPs dengan kerjasama PTPTN di SMK Taman Damansara Aliff, Johor Bahru, Johor semalam.

PTPTN: RM56b bantu lebih 3 juta pelajar

Oleh MOHD. KHAIRUL MOHD. ALI
pengarang@utusan.com.my

■ JOHOR BAHRU 7 APRIL

SEBANYAK RM56 bilion sudah diperuntukkan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) hingga 28 Februari tahun ini bagi membantu 3.02 juta pelajar melanjutkan pengajian tinggi mereka.

Pengerusi PTPTN, Wan Saiful Wan Jan berkata, perkara itu selari dengan iltizam institusi tersebut iaitu membolehkan lebih ramai rakyat mendapat akses pendidikan tinggi.

Katanya, melalui pinjaman PTPTN, sebanyak 200,000 pelajar setiap tahun berpeluang melanjutkan pelajaran mereka.

"Pendidikan merupakan aset utama dalam pelaksanaan pembangunan negara, dengan penubuhan PTPTN semakin ramai rakyat

negara ini dapat menjekakkan kaki ke institusi pengajian tinggi.

"Malah pendidikan percutma turut diberi PTPTN kepada mereka yang memperoleh Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Kelas Pertama," katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapan yang dibacakan Timbalan Ketua Eksekutif (Dasar dan Operasi) PTPTN, Mastura Mohd. Khalid dalam majlis pelancaran program Jelajah Solo Gen Y: Nilai-nilai Murni Rakyat Malaysia di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Taman Damansara Aliff, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kebajikan Perlis (YKPs), Affendi Rajini Khan dan Pengetua SMK Taman Damansara Aliff, Adib Adham Daud.

Program jelajah solo itu yang dilakukan oleh Affendi berlangsung 4 April hingga 30 April ini dianjurkan YKPs dengan kerja-

ma PTPTN.

Affendi memberitahu, jelajah sejauh kira-kira 4,000 kilometer itu melibatkan 11 negeri, 13 kawasan Parlimen dan 36 buah sekolah di seluruh negara.

Menurutnya, tujuan jelajah itu adalah bagi mempromosi nilai murni dalam kalangan masyarakat, khususnya pelajar yang merupakan generasi pelapis negara ini atau Gen Y.

"Ini kerana dalam tinjauan yang saya lakukan di Perlis akhir tahun lalu, hanya kira-kira 100 pelajar daripada 3,000 yang dikaji didapati mengaplikasikan nilai murni dalam kehidupan sehari-hari seperti bersalaman dan mengucapkan terima kasih kepada ibu bapa mereka.

"Menerusi kajian itu juga, saya mendapati majoriti pelajar yang mengamalkan nilai murni dalam kehidupan mereka mencatatkan prestasi akademik yang baik dalam persekolahan mereka," ujarnya.